

05 DEC 1998

Anwar-Saman

ANWAR FAIL AFIDAVIT BALAS UNTUK KETEPIKAN SAMAN PEGUAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan afidavit balas di Mahkamah Tinggi di sini bagi mengeneipkan saman balas Jabatan Peguam Negara untuk membatalkan saman beliau yang mencabar pemecatannya daripada Kabinet.

Afidavit itu difailkan menerusi Tetuan Karpal Singh and Co. pada 11.45 pagi di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi, Wisma Denmark di sini. Peguam M. Manoharan menyerahkan afidavit itu di pejabat Peguam Negara pada 12.12 tengahari tadi.

Pada 1 Dis lepas, Peguam Negara memfailkan satu saman balas iaitu "Saman Dalam Kamar" meminta mahkamah mengeneipkan saman yang difailkan oleh Anwar.

Mahkamah Tinggi menetapkan 25 Januari depan untuk mendengar permohonan itu.

Anwar dalam afidavitnya mendakwa permohonan Peguam Negara di bawah Aturan 18, Kaedah 19(1) (a) (b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah salah tanggapan dan seharusnya ia ditolak dengan kos.

Anwar berkata "Saman Dalam Kamar" bertarikh 1 Dis lepas dan afidavit yang disertakan oleh Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Agong, Haji Ja'apar Wahab, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali telahpun dibaca dan diterangkan kepadanya.

Sebagai balasan kepada afidavit itu, Anwar berkata, perkenan Yang di-Pertuan Agong yang diberikan pada 5 Sept lepas dan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 1998 yang dirujuk di dalam afidavit Ja'apar dan Halim, tiada relevan kepada deklarasi yang beliau pohon.

Permohonan bagi mengeneipkan saman Anwar itu dibuat kerana ianya tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, ianya mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

Afidavit berkenaan menyebut antara lain bahawa pelucutan kedua-dua jawatan Anwar itu telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka telah membuat perintah agar memotong nama Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan menggantikan namanya sebagai Menteri Kewangan dengan nama Dr Mahathir.

Pada 13 Nov lepas, Anwar, yang juga Menteri Kewangan sebelum dilucut daripada kedua-dua jawatannya itu pada 2 Sept lepas, telah memfailkan saman terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kerajaan Malaysia dan mencabar pemecatannya dari Kabinet.

Dalam samannya, Anwar memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya daripada kedua-dua jawatan itu tidak mengikut perlembagaan.

Beliau juga meminta pengisytiharan bahawa beliau masih menteri dalam Kabinet selain menuntut kos dan apa-apa relief yang difikirkan sesuai serta wajar oleh mahkamah.

Mahkamah Tinggi akan mendengar permohonan Anwar itu pada 10 Dis ini.

Sementara itu, peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar memberitahu pemberita bahawa beliau akan membuat permohonan supaya afidavit balas itu didengar bersama dengan saman sivil Anwar pada 10 Disember.

-- BERNAMA

KLS WAT